



KEMENTERIAN  
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KKDW.100-2/1/6(15)

## SIARAN MEDIA

### KKDW TERIMA PERUNTUKAN RM 4 JUTA UNTUK PERKASA PKD

---

NABAWAN, 18 November – Sejumlah RM 4 juta diperuntukkan kepada Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) menerusi Belanjawan 2024 untuk meneruskan program dan aktiviti di Pusat Komuniti Desa (PKD) dalam usaha merapatkan jurang teknologi digital sekaligus meningkatkan taraf hidup dan kesejahteraan masyarakat di luar bandar.

Selari dengan konsep `Satu Perhentian Pelbagai Perkhidmatan`, peranan dan fungsi PKD terus diperkasakan dengan pengenalan **Program PKD Mobile** sebagai salah satu *quick wins* KKDW bagi memperluas perkhidmatan PKD sedia ada termasuk perkhidmatan Jabatan/Agensi Kerajaan dan swasta dalam bentuk kaunter perkhidmatan yang akan bergerak ke kawasan-kawasan luar bandar yang terpilih.

Tiga siri program *reach out* Kementerian ini dirancang dengan kerjasama agensi kerajaan dan swasta sebagai rakan strategik dalam penganjuran program pada tahun ini.

PKD *Mobile* siri pertama telah di laksanakan pada 14 Oktober 2023 di Gerik, Perak, manakala program di Nabawan, Sabah pada 18 November 2023 menjadi siri kedua.

Program siri ketiga dirancang diadakan pada 16 Disember 2023 di Kota Samarahan, Sarawak.

Program PKD Mobile yang dilaksanakan hari ini dirasmikan oleh YB Datuk Arthur Joseph Kurup, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi. Turut hadir Datuk Che Murad Sayang Ramjan, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) KKDW.

Selain daripada kaunter perkhidmatan agensi kerajaan dan swasta, pihak KKDW turut mengadakan **Jualan Rahmah yang menawarkan harga barang keperluan harian yang lebih murah** berbanding harga pasaran dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

Aktiviti peningkatan kemahiran dan pengukuhan modal insan turut diadakan menerusi aktiviti *pocket talk* dan juga latihan kemahiran berkaitan hidroponik, kraftangan dan juga solekan turut dilaksanakan khusus untuk penduduk di lokasi penganjuran program.

KKDW komited dalam memastikan program PKD Mobile ini mampu memberikan impak dan manfaat kepada masyarakat desa serta merancang program-program bersesuaian untuk masyarakat desa menerusi penganjuran PKD Mobile pada tahun 2024.

Dalam pada itu, KKDW akan terus komited melaksanakan pelbagai program di PKD termasuk latihan dan aktiviti komuniti yang memfokuskan pemerksaan modal insan bagi memberi peluang serta pendedahan kepada masyarakat luar bandar dalam meningkatkan kualiti hidup melalui pembangunan keupayaan dan pembudayaan keusahawanan menggunakan fasiliti serta kemudahan yang disediakan di PKD .

Sehingga kini terdapat 191 PKD di seluruh negara termasuk 15 PKD di Sabah dan enam di Sarawak.

- TAMAT-

Disediakan Oleh  
**Unit Komunikasi Korporat**  
**Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah**

**18 November 2023**